

MANFAAT CUKAI UNTUK KEMAKMURAN BERSAMA

- 
- 01 PENDIDIKAN
 - 02 PERTANIAN
 - 03 KESIHATAN
 - 04 KEBAJIKAN
 - 05 KESEJAHTERAAN
 - 06 EKONOMI
 - 07 KESELAMATAN
 - 08 PEMBANGUNAN
 - 09 PENGANGKUTAN AWAM
 - 10 PERINDUSTRIAN

1. MANFAAT BERUPA BARANGAN

Dalam penggajian, antara manfaat yang diterima oleh pekerja ialah Manfaat Berupa Barang (MBB). MBB adalah manfaat yang tidak boleh ditukarkan kepada wang dan ia juga tertakluk kepada pengenaan cukai.

Subseksyen 32(1), ACP 1967 memperuntukkan nilai MBB diambil kira sebagai pendapatan kasar penggajian pekerja adalah suatu amaun yang berpatutan dan munasabah dengan mengikut keadaannya.

Penentuan nilai MBB boleh dibuat menggunakan kaedah formula atau nilai ditetapkan. Nilai MBB boleh dikurangkan jika ia :

- a) Disediakan bagi tempoh kurang dari setahun, atau/dan
- b) Dikongsi dengan pekerja lain, atau/dan
- c) Digunakan bagi tujuan perniagaan majikan.

Terdapat beberapa MBB yang dikecualikan daripada cukai, antaranya :

- a) Manfaat pergigian,
- b) Manfaat penjagaan anak, dan
- c) Premium insurans kelompok pekerja.

Maklumat lanjut berhubung MBB boleh diperoleh daripada Ketetapan Umum bil. 11/2019 di Portal Rasmi HASIL, www.hasil.gov.my > Perundangan > Ketetapan Umum > Tahun 2019.

2. MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN

Satu lagi jenis manfaat yang turut disediakan oleh majikan kepada pekerja ialah Manfaat Tempat Kediaman. Premis kediaman yang diperuntukkan adalah sebahagian daripada pendapatan kasar penggajian pekerja dan tertakluk kepada cukai di bawah Perenggan 13(1)(c), Akta Cukai Pendapatan 1967.

Terdapat tiga (3) kategori pengiraan nilai premis kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pekerja, iaitu :

- a) Premis kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pekerja (selain daripada pegawai Kerajaan/Badan Berkanun) atau pengarah urusan;
- b) Premis kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pengarah (bukan pengarah urusan) sebuah syarikat terkawal; dan
- c) Premis kediaman yang disediakan kepada pekerja / pengarah urusan / pegawai Kerajaan/Badan Berkanun.

Sekiranya pekerja menerima manfaat ini, majikan perlu melaporkannya bersama-sama penerimaan pendapatan yang lain dalam Borang EA/EC.

Maklumat lanjut berhubung manfaat tempat kediaman boleh diperoleh daripada Ketetapan Umum Bil. 3/2005 di Portal Rasmi HASIL, www.hasil.gov.my > Perundangan > Ketetapan Umum > Tahun 2009.

3. POTONGAN DERMA YANG DILULUSKAN

Peruntukan Subseksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967 dikaitkan dengan sumbangan kepada tabung yang ditubuhkan oleh sesebuah institusi dan organisasi yang **diluluskan oleh HASiL**. Amaun ini akan diambil kira sebagai potongan oleh penderma/penyumbang dalam mengira jumlah pendapatan.

Sekiranya sesebuah institusi dan organisasi telah mendapat kelulusan daripada HASiL, mereka perlu memaparkan **nombor rujukan kelulusan** tersebut dalam penyata atau resit yang dikeluarkan kepada penderma/penyumbang.

PERHATIAN : Penderma/penyumbang perlu memastikan kelulusan atas sumbangan kepada institusi dan organisasi tersebut adalah masih sah.

Garis panduan berkaitan Subseksyen 44(6) serta senarai institusi dan organisasi yang diluluskan boleh disemak dalam Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my.

4. ADAKAH PCB DAN CP38 ADALAH BAYARAN YANG SAMA ?

PCB merupakan potongan cukai berdasarkan Jadual PCB ke atas saraan pekerja yang layak dan diremitkan ke HASiL setiap bulan, manakala potongan CP38 pula hanya boleh dilakukan sekiranya HASiL telah mengeluarkan arahan khusus kepada majikan supaya membuat potongan untuk amaun tertentu dalam bulan-bulan yang tertentu. Potongan CP38 adalah untuk menyelesaikan cukai yang tertunggak manakala PCB adalah untuk cukai bagi tahun taksiran semasa.

Majikan bertanggungjawab untuk membuat bayaran Arahan Potongan CP38. Pembayaran hendaklah dibuat bersama-sama dengan PCB tetapi majikan perlu mengasingkan jumlah bayaran mengikut ruangan PCB dan CP38 yang disediakan di dalam Borang CP39.

WASPADA DENGAN SCAMMER :

HASIL TIDAK MEMBUAT PANGGILAN MELALUI TELEFON BIMBIT ATAU MENYAMBUNGKAN PANGGILAN KE AGENSI LAIN SEPERTI PDRM, MAHKAMAH DAN LAIN-LAIN.

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.